



DR. MAHATHIR Mohamad mengangkat sumpah sebagai Perdana Menteri pada tahun 1981.

Sebelum menjadi ahli Parlimen

UM 31/10/2003 - 3 PRECISE

20 DISEMBER 1925

Dilahirkan di rumah kayu beratap nipah di No. 18, Jalan Kilang Ais, Seberang Perak, Alor Star, Kedah. Menghabiskan zaman kanak-kanak dan remaja di rumah tersebut sehinggalah berkahwin dan berpindah ke rumah sendiri di Titi Gajah.

PENDIDIKAN RENDAH

Belajar di Sekolah Melayu Seberang Perak, Alor Star.

PENDIDIKAN MENENGAH

Kolej Sultan Abdul Hamid (Senior Cambridge Certificate)

PENYERTAAN KESATUAN

Pada tahun 1945 menganggotai Kesatuan Melayu Muda Kedah dan seterusnya menjadi antara pemuda paling awal mendaftar sebagai ahli UMNO.

1948-1953

Melanjutkan pelajaran dalam bidang

perubatan di King Edward VII College of Medicine, Universiti Malaya, Singapura (MBBS).

1954-1957

Pegawai Perubatan Kerajaan Negeri Kedah.

5 OGOS 1956

Mendirikan rumah tangga dengan Dr. Siti Hasmah Mohd. Ali yang merupakan rakan sekuliah beliau di universiti.

JUN 1957

Meninggalkan perkhidmatan kerajaan untuk bekerja sendiri dengan mendirikan klinik bersama isterinya yang dikenali Maha Clinic yang mula beroperasi di Jalan Tunku Ibrahim dan kemudiannya berpindah ke Pekan Melayu, Alor Star, Kedah sekali gus muncul sebagai anak Melayu pertama membuka klinik sendiri di kawasan itu.